

SPM
2019

SKOR A+

**TASAWWUR
ISLAM**

Disediakan Oleh :

Safaee bin Zakaria

SMK Jelawat,

16370 Bachok, Kelantan

tokburong.wordpress.com

GC Tasawwur Islam SMK Jelawat

Tel : 0199197072

Kandungan

Bil	Perkara	Mukasurat
1.	Pendahuluan	2
2.	Matlamat	2
3.	Format Pentaksiran	2
	3.1 Kertas 1	2
	3.2 Kertas 2	2
	3.2.1 Pengurusan Masa Menjawab Soalan Kertas 2	3
	3.2.2 Jenis Soalan Kertas 2	3
	3.2.3 Bentuk Soalan Kertas 2	4
4.	Bentuk Soalan KBAT	9
	4.1 Ciri-ciri KBAT	9
	4.2 Contoh Soalan KBAT	10
5.	Strategi Menjawab Soalan Dengan Berkesan	10
	5.1 Jawapan Yang Boleh Digunakan Dalam Banyak Soalan	10
	5.1.1 Soalan mengenai faktor/punca/sebab berlaku keburukan	10
	5.1.2 Soalan mengenai faktor / punca berlaku sesuai masalah	11
	5.1.3 Soalan mengenai cara mengatasi sesuatu masalah buruk	11
	5.1.4 Soalan mengenai kesan buruk apabila berlakunya masalah	11
	5.1.5 Soalan mengenai kesan baik melaksanakan perintah Allah SWT	12
	5.1.6 Soalan mengenai rahmat/kebaikan/keistimewaan/keunggulan Islam	12
	5.1.7 Soalan mengenai sumber sesuatu perkara dalam Islam	13
	5.1.8 Pengertian wahyu / al-Quran	13
	5.1.9 Peranan wahyu /al-Quran /hadis/ rasul/ orang yang beriman/ orang yang berilmu	13
	5.1.10 Cara memantapkan keperibadian muslim / ciri-ciri muslim sejati / cara menghayati sifat rububiyyah / uluhiiyah	13
	5.1.11 Peranan akal	13
	5.1.12 Cara bersyukur dengan wahyu / akal / al-Quran	14
	5.1.13 Matlamat negara Islam / sistem sosial Islam/ sistem kehakiman Islam / sistem sosial Islam	14
	5.1.14 Syarat pemimpin / khalifah / hakim	14
	5.1.15 Ciri / sifat pemimpin / khalifah / hakim	14
	5.1.16 Kepentingan Qadha / Fikah / Ijtihad / Fatwa	14
	5.1.17 Cara Islam menjaga nyawa / harta / keturunan / ketenteraman awam / agama/ matlamat perundangan Islam	14
	5.1.18 Prinsip Rabaniyyah, Syumuliyyah , Waqiiyyah, Alamiyyah , Murunah dan Thabat	15
	5.2 Kaedah mengingat fakta dengan cepat dan berkesan	15
6.	Perkara yang perlu di ambil perhatian semasa menjawab	18
7.	Kelemahan yang perlu dihindari	18
8.	Penutup	19

STRATEGI MENJAWAB TASAWWUR ISLAM SPM DENGAN BERKESAN

1. PENDAHULUAN

Pelajaran Tasawwur dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah merupakan satu mata Pelajaran Elektif (Pilihan) Pelajaran ini ditawarkan kepada pelajar sekolah menengah atas. Mata pelajaran ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam tentang Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna. Bagi merealisasikan pelajar dapat mencapai kecemerlangan dalam mata pelajaran Tasawwur Islam, ianya memerlukan strategi yang berkesan dalam menjawab soalan peperiksaan selaras kehendak Lembaga Peperiksaan Malaysia.

2. MATLAMAT

Matlamat yang ingin dicapai melalui teknik menjawab yang berkesan ialah

- 2.1 Memberi kemahiran kepada para pelajar tentang teknik menjawab yang betul
- 2.2 Membantu para pelajar teknik menjawab soalan yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Peperiksaan.
- 2.3 Memastikan semua calon Tasawwur Islam menjawab dengan teknik yang betul, berfokus dan tepat seterusnya meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan.

3. FORMAT PENTAKSIRAN

3.1 Kertas 1 Kod kertas : 5226/1


Masa	Ceraian Soalan	Jenis soalan	Jum Soalan	Soalan dijawab	Tajuk soalan
1 Jam 15 Minit	Bahagian A	Soalan aneka pilihan	20	Semua	Sukatan pelajaran di tingkatan 4 dan 5
	Bahagian B	Soalan objektif berstruktur	20	Semua	Sukatan pelajaran di tingkatan 4 dan 5

3.2 Kertas 2 : Kod kertas 5226/2


Masa	Jum Soalan	No soalan	Bab dan Tajuk Soalan	Ceraian Soalan	Markah	Markah keseluruhan	Bil Soalan wajib jawab	Jenis soalan
2 Jam 30 Minit	7 Soalan ditawarkan	Soalan 1	Bab 1 Ting 4 (Pel 1 – 9)	6	20	100	5 Soalan termasuk soalan 1	Subjektif
		Soalan 2	Bab 2 Ting 4 (Pel 10 – 14)	5	20			
		Soalan 3	Bab 3 Ting 4 (Pel 15 – 17)	5	20			
		Soalan 4	Bab 1 Ting 5 (Pel 1 – 4)	6	20			
		Soalan 5	Bab 2 Ting 5(Pel 5 – 6)	6	20			
		Soalan 6	Bab 3Ting 5(Pel 7 – 10)	4	20			
		Soalan 7	Ting 4 + Ting 5	4	20			
			Jum	36				

3.2.1 Pengurusan masa menjawab soalan kertas 2

1 Soalan = 30 Minit



3.2.2 Jenis soalan kertas 2



3.2.3 Bentuk soalan kertas 2

1. Pernyataan	Kata Kunci Soalan
Jawapan bagi soalan jenis pernyataan ini tidak perlu terlalu panjang. Ia memerlukan fakta yang tepat dan huraian keatas fakta tersebut.	1. Mengapakah 2. Kemukakan 3. Senaraikan 4. Nyatakan. 5. Apakah 6. Berikan

i. Mengapakah

Contoh Soalan

Mengapakah semangat daya juang penting dalam mencapai Kecemerlangan dalam akademik [4 markah]

Contoh Jawapan :

Sebab semangat daya juang penting dalam mencapai kecemerlangan akademik.

1. Akan menguatkan semangat *dalam menghadapi pelajaran contohnya* sentiasa konsisten dalam mengikut jadual pembelajaran kesannya akan memberikan keyakinan kepada diri sendiri *untuk berjaya*.

ii. Kemukakan

Contoh Soalan:

Sumbang mahram merupakan perbuatan keji yang masih berlaku di kalangan masyarakat hari ini
Kemukakan **dua** langkah menangani perbuatan tersebut [4 markah]

Contoh Jawapan

Dua langkah menangani perbuatan tersebut ialah

1. Melaksanakan hukuman mengikut hukuman Islam seperti *menjatuhkan hukum hudud kepada para pesalah*
2. Memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak sejak kecil
3. Menjaga batasan aurat antara lelaki dan perempuan dalam pergaulan sehari-hari
4. Mengamalkan akhlak mulia dalam rumahtangga dan pergaulan seperti hormat menghormati antara satu sama lain
5. Menguatkuasakan undang-undang yang tegas keatas pesalah sumbang mahram
6. Memberi kesedaran melalui kempen, ceramah dan dakwah yang berkesan kepada masyarakat melalui media massa

iii. Nyatakan

Contoh Soalan :

Nyatakan **dua** sebab Islam diterima sebagai agama yang direndai di sisi Allah SWT. [4 markah]

Contoh Jawapan :

Dua sebab Islam diterima sebagai agama yang direndai di sisi Allah SWT

1. Islam ialah agama yang bersifat Rabbaniyyah iaitu datangnya daripada Allah SWT melalui al-Quran dan Hadis
2. Islam agama yang bersifat syumuliyyah iaitu lengkap dan merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat
3. Islam agama yang bersifat Alamiyyah iaitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia tanpa mengira tempat, waktu dan zaman..
4. Ajaran islam bersifat thabat iaitu terpelihara dan kekal hingga kehari akhirat.

5. Ajaran Islam bersifat murunah iaitu boleh berubah mengikut perubahan manusia tetapi tetap diatas prinsip asasnya.
6. Islam ialah agama yang bersifat Waqiyah iaitu praktikal dan sesuai pada semua manusia tanpa mengira bangsa, keturunan dan warna kulit

iv. Apakah

Contoh Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan Islam sebagai ad-Din ? [2 markah]

Contoh Jawapan :

Maksud Islam sebagai ad-Din ialah :

1. Islam ialah kepatuhan,kesejahteraan dan penyerahan diri kepada Allah SWT.
2. Islam ialah agama yang mengatur cara hidup yang lengkap dan sempurna.
3. Islam tidak hanya tertumpu kepada soal ibadat semata-mata tetapi merangkumi urusan kehidupan manusia sehari-hari.
4. Islam agama yang diredayai / diterima oleh Allah s.w.t
5. Islam agama yang benar.
6. Islam bersifat Syumuliyyah, Alamiyyah, Thabat, Waqiyyah.

v. Berikan

Contoh Soalan :

Fahaman anti hadis boleh menggugat kesucian agama Islam

Berikan dua hujjah anda [4 markah]

Contoh Jawapan :

Dua Hujjah fahaman anti hadis boleh menggugat kesucian agama Islam

1. Fahaman tersebut boleh menyebabkan hilangnya rasa hormat terhadap Rasulullah s.a.w kerana tidak mempercayai hadis rasulullah
2. Fahaman tersebut boleh menyebabkan umat Islam akan berpecah kerana perbezaan pendapat
3. Fahaman tersebut boleh menyebabkan umat Islam tidak dapat memahami ajaran al-Quran dengan terperinci.
4. Penolakan hadis membawa kepada penolakan al-Quran.
5. Fahaman tersebut boleh membawa kepada ajaran sesat / menyeleweng/rosak akidah / murtad

2. Perbincangan	Kata Kunci Soalan
Jawapan bagi soalan jenis ini memerlukan anda memberikan pandangan tentang sesuatu isu. Anda mesti memberikan fakta serta hujah yang menyokong pendapat anda	1. Bincangkan 2. Cadangkan 3. Bagaimanakah

i. Bincangkan

Contoh Soalan :

Salah satu daripada matlamat perundangan Islam ialah memelihara nyawa manusia. Bincangkan [4 markah]

Contoh Jawapan :

Perundangan Islam memelihara nyawa manusia kerana

1. Nyawa merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia yang sangat bernilai dengan itu Islam menjamin hak seseorang untuk hidup dan menjaga anggota tubuh badan mereka dengan mensyariatkan hukum Qisas bagi kesalahan yang melibatkan nyawa dan anggota tubuh badan bagi menjaga nyawa manusia.

ii. Cadangkan

Jawapan bagi soalan ini memerlukan anda memberikan pandangan dan cadangan tentang sesuatu isu tetapi masih terikat dengan isi tajuk berkaitan.

Contoh Soalan:

Anda sebagai seorang pelajar sekolah. Setiap bulan ibu bapa anda memberikan wang untuk menampung perbelanjaan sekolah sebanyak RM 50.00.

Cadangkan cara anda memanfaatkan wang tersebut. [4 markah]

Contoh Jawapan:

Cara memanfaatkan wang tersebut untuk menampung perbelanjaan sekolah

1. Membeli keperluan pembelajaran seperti pen, buku, membayar yuran kelas tambahan dan sebagainya dengan itu wang tersebut dapat digunakan untuk pembelajaran.

iii. Bagaimanakah

Jawapan bagi soalan ini memerlukan anda memberikan pandangan tentang sesuatu isu.

Contoh Soalan:

Perpecahan dan persengketaan di kalangan masyarakat akan mengakibatkan huru hara dan ekonomi negara menjadi mundur.

Bagaimanakah masalah diatas dapat dielakkan daripada berlaku? [6 markah]

Contoh Jawapan:

Masalah di atas dapat dielakkan daripada berlaku dengan cara anggota masyarakat mestilah :

1. Sentiasa bekerjasama dalam menjayakan sesuatu aktiviti masyarakat seperti gotong-royong dan bantu membantu serta tolol menolong antara satu sama lain dengan itu perasaan saling hormat menghormati akan dapat dipupuk antara satu sama lain kesannya perpaduan dapat ditegakkan dalam masyarakat
2. Sentiasa mengamalkan sifat toleransi dalam kalangan masyarakat yang tidak menjelaskan akidah seperti bersikap terbuka dalam pergaulan kesannya masyarakat akan lebih memahami antara satu sama lain, dengan itu mereka akan berasastu padu

3. Huraian	Kata Kunci Soalan
Jawapan hendaklah mengandungi fakta dan huraian. Huraianya mestilah tepat dan ringkas	<ol style="list-style-type: none">1. Buktiikan2. Huraikan3. Penyelesaian Masalah

i. Huraikan

Contoh Soalan :

Huraikan dua kesan buruk ajaran sesat terhadap umat Islam. [4 markah]

Contoh Jawapan :

Dua kesan buruk ajaran sesat terhadap umat Islam ialah :

1. Masyarakat tidak akan aman dan tenteram kerana sering berlaku pergaduhan akibat tiadanya persefahaman

2. Memutuskan hubungan silaturrahim dalam masyarakat kerana berlainan fahaman
3. Berlaku percaduhan dan perbalahan dalam kehidupan
4. Berlaku kezaliman seperti pembunuhan

ii. Penyelesaian Masalah

Contoh Soalan :

Ada remaja berfahaman bahawa mereka bebas memilih cara hidup sendiri tanpa menghiraukan kawalan ibu bapa.
Apakah yang akan berlaku sekiranya remaja bertindak berdasarkan fahaman tersebut ? [4 markah]

Contoh Jawapan :

Perkara yang akan berlaku sekiranya remaja berfahaman sedemikian.

1. Remaja tidak lagi akan menghormati orang tua mereka dengan itu akan wujudnya sikap derhaka kepada ibu bapa.
Akhirnya remaja tersebut akan terjebak dengan kegiatan jenayah seperti mencuri.

4. Penerangan	Kata Kunci Soalan
Jawapan hendaklah mengandungi fakta dan huraian. Ciri –ciri huraian antaranya seperti, kerana, iaitu, di dalam, yang, agar, supaya dan untuk. Huraianya mestilah tepat dan ringkas	1. Terangkan 2. Jelaskan

i. Terangkan.

Contoh Soalan :

Terangkan dua cara media massa mempengaruhi pemikiran umat Islam dengan budaya kuning.
[4 markah]

Contoh Jawapan :

Dua cara media massa mempengaruhi pemikiran umat Islam dengan budaya kuning

1. Menyebarluaskan berita palsu / negetif untuk membesarkan / menyesatkan
2. Memberi gambaran yang salah mengenai umat Islam untuk menjatuhkan maruah umat Islam
3. Menyajikan program hiburan yang keterlaluan
4. Menayangkan filem-filem lucu dan ganas yang merosakkan akhlak umat Islam.

ii. Jelaskan

Contoh Soalan :

Jelaskan dua tindakan yang anda perlu lakukan untuk menangani ancaman budaya kuning. 4 markah]

Contoh Jawapan :

Dua tindakan yang perlu dilakukan untuk menangani ancaman budaya kuning ialah :

1. Mendalami ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang supaya dapat membezakan antara yang baik dan buruk
2. Memperkuatkan keimanan kepada Allah SWT dengan mendalami bidang keagamaan
3. Mengamalkan akhlak mulia supaya kehidupan terhindar daripada perbuatan keji
4. Menjadikan Islam sebagai cara hidup dengan menjauhi perbuatan keji

5. Pengertian	Kata Kunci Soalan
Jawapan dalam bentuk ini memerlukan calon memberikan keterangan yang singkat tetapi jelas tentang makna sesuatu perkataan khusus, istilah atau terminologi. Berikan contohnya sekali jika ada	1. Apakah Maksud 2. Berikan Pengertian

i. Apakah Maksud

Contoh Soalan :

Ibadah terbahagi kepada ibadah khusus dan ibadah umum.

Apakah maksud ibadah-ibadah tersebut [2 markah]

Contoh Jawapan :

Maksud kedua-dua ibadah tersebut ialah :

Maksud ibadat khusus

1. Ibadat yang telah ditetapkan oleh Allah cara pelaksanaan dan ganjarannya.
2. *Ibadat yang menghubungkan manusia dengan Allah/Tuhan*

Maksud ibadat umum

1. Perbuatan atau amalan manusia yang dilakukan kerana Allah s.w.t.
2. *Ibadat yang menghubungkan manusia sesama manusia contohnya bersedekah.*

ii. Berikan Pengertian

Contoh Soalan :

Akal sangat penting kepada manusia.

Berikan pengertian akal [2 markah]

Contoh Jawapan :

Pengertian akal ialah :

- Anugerah Allah s.w.t kepada manusia untuk berfikir/ alat untuk manusia berfikir.

6 Perbandingan / Perbezaan	Kata Kunci Soalan
Perbandingan ialah menyatakan persamaan atau perbezaan antara dua perkara atau lebih Jawapan bagi soalan jenis ini sebaik-baiknya dijawab dalam bentuk kotak. Mesti terdapat perbezaan antara kedua-dua bahagian. Jika menjawab dalam satu ayat , mesti mempunyai ayat sendikata, contohnya manakala, adapun, sedangkan dan seumpamanya.	1. Bandingkan 2. Berikan Perbezaan

i. Bandingkan

Contoh Soalan :

Jelaskan dua perbandingan antara sistem sosial Islam dengan sistem sosial barat. (4 markah)

Contoh Jawapan :

Perbandingan antara sistem sosial Islam dengan Barat ialah:

Sistem sosial Islam	Sistem sosial barat
1. Berasaskan al-Quran	1. Berasaskan pemikiran manusia
2. Berdasarkan kepada ukhuwwah Islamiyah	2. Berdasarkan warna kulit dan kedudukan
3. Mementingkan urusan dunia dan akhirat	3. Mementingkan keduniaan dan kebendaan semata-mata

ii. Perbezaan**Contoh Soalan:**

Jelaskan tiga perbezaan antara sistem sosial Islam dengan Sistem barat. [6 markah]

Contoh Jawapan:

Perbezaan antara sistem sosial Islam dengan Barat ialah:

Sistem sosial Islam	Sistem sosial barat
1. Berasaskan al-Quran	1. Berasaskan pemikiran manusia
2. Berdasarkan kepada ukhuwwah Islamiyah	2. Berdasarkan warna kulit dan kedudukan
3. Mementingkan urusan dunia dan akhirat	3. Mementingkan keduniaan dan kebendaan semata-mata

4. BENTUK SOALAN KBAT**4.1 Ciri-ciri KBAT****CIRI ITEM HOTS**

4.2 Contoh soalan KBAT

1. Soalan 4 Markah

1.a(i) Nyatakan persoalan yang tidak mampu difikirkan oleh manusia tanpa bimbingan wahyu [4 markah]

Contoh Jawapan:

1.a(i) Persoalan yang tidak mampu difikirkan oleh akal manusia tanpa bimbingan wahyu ialah :

1. Akal manusia tidak mampu memahami perkara ghaib yang tidak boleh dilihat dengan pancaindera seperti malaikat, jin dan sebagainya. Kesimpulannya manusia memerlukan wahyu sebagai pembimbing mereka

1 Isi
1 Huraian
1 Huraian lanjut (Contoh)
1 Kesimpulan

2. Contoh soalan 6 Markah

7.b (iii) Perpecahan dan persengketaan di kalangan masyarakat akan mengakibatkan huru hara dan ekonomi negara menjadi mundur. Bagaimanakah masalah di atas dapat dielakkan daripada berlaku [6 markah]

Contoh Jawapan :

7b(iii) . Masalah di atas dapat dielakkan daripada berlaku dengan cara anggota masyarakat mestilah :

1. Sentiasa bekerjasama dalam menjayakan sesuatu aktiviti yang berfaedah kepada masyarakat seperti sentiasa mengadakan gotong royong dengan itu hubungan silaturrahim dapat dieratkan
2. Mengadakan aktiviti berbentuk kempen atau ceramah berkaitan perpaduan seperti menerbitkan rencana di akhbar akhirnya masyarakat akan lebih memahami antara satu sama lain

2 isi
2 Huraian
2 Kesimpulan

5. STRATEGI MENJAWAB SOALAN DENGAN BERKESAN.

5.1 Jawapan yang boleh digunakan dalam banyak soalan.

5.1.1 Soalan mengenai faktor / punca / sebab berlaku sesuatu masalah buruk / dosa

Contoh Soalan :

1. Terangkan faktor berlakunya kejahilan, berlakunya kemiskinan ummah, faktor hilangnya jati diri ummah
2. Sebab berlakunya rasuah / mencuri / manupulasi / monopoli / riba
3. Jelaskan dua punca berlakunya perzinaan

Jawapan :

1. Kurangnya didikan agama daripada ibu bapa menyebabkan mereka jahil tentang hukum melakukan perbuatan tersebut dengan itu mereka berani melakukannya tanpa rasa bersalah
2. Lemahnya iman kepada Allah SWT menyebabkan mereka tidak yakin dengan azab Allah SWT keatas orang yang melakukan perbuatan tersebut. Oleh itu mereka tidak takut kepada dosa perbuatan tersebut
3. Terpengaruh dengan pengaruh luar yang negetif seperti hiburan yang keterlaluan / kemewahan dunia / terpengaruh dengan kemewahan dan ingin cepat kaya tanpa melakukan usaha yang bersungguh-sungguh oleh itu mereka berani melakukan perbuatan tersebut untuk mengejar impian mereka

5.1.2 Soalan mengenai faktor / punca berlaku sesuatu masalah.

Contoh Soalan :

1. Jelaskan dua punca kegagalan mengamalkan kesaksamaan sosial
2. Punca berlakunya perpecahan

Contoh Jawapan

1. Wujudnya sikap mementingkan diri sendiri dalam segala keadaan dengan itu melahirkan sikap sombang dan bangga diri kesannya mereka tidak sensitif dengan penderitaan orang lain
2. Perasaan bangga diri dengan kedudukan yang dimiliki dalam masyarakat menyebabkan mereka tidak suka bergaul dengan orang lain kesannya mereka memandang rendah kepada orang lain
3. Kurang peka terhadap penderitaan dan kesusahan orang lain dengan itu mereka enggan membantu orang lain seperti tidak mahu bersedekah dan berzakat

5.1.3 Soalan mengenai cara mengatasi sesuatu masalah buruk

Contoh Soalan.

1. Cara memantapkan keimanan / memantapkan keperibadian muslim / meningkatkan kecemerlangan ummah
2. Cara mengatasi masalah rasuah / mencuri / manupulasi / monopoli / riba

Contoh Jawapan

1. Memberikan pendidikan agama dan penerapan nilai – nilai murni yang sempurna kepada anak-anak sejak dari kecil lagi dengan itu mereka akan mengetahui hukum melakukan perbuatan tersebut
2. Menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sentiasa membaca buku-buku agama atau mengikuti ceramah agama dengan itu akan menyebabkan mereka takut untuk melakukan perbuatan tersebut
3. Menguatkuasakan undang-undang tanpa pilih kasih dengan menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan perbuatan tersebut dengan itu penjenayah tidak lagi berani melakukan kesalahan tersebut
4. Mengadakan kempen secara berterusan tentang keburukan perbuatan tersebut melalui media massa atau ceramah kesannya akan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya perbuatan tersebut
5. Mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian seperti hidup dalam kesederhanaan dengan itu mereka akan sentiasa reda kepada takdir Allah SWT
6. Membuat aduan kepada pihak yang berkuasa jika terlihat orang melakukan kesalahan tersebut dengan segera kesannya perbuatan tersebut dapat dibendung daripada berleluasa
7. Memberikan nasihat kepada orang yang terlibat dengan perbuatan tersebut supaya mereka insaf dan tidak lagi melakukan perbuatan tersebut.

5.1.4 Soalan mengenai kesan buruk apabila berlakunya sesuatu masalah

Contoh Soalan

1. Kesan kejahilan ummah / Kesan perpecahan ummah / Kesan ketiadaan jati diri / Kesan ketiadaan jaminan keselamatan
2. Kesan rasuah / gejala sosial / Riba / Monopoli / Manipulasi

Contoh Jawapan

1. Dibenci oleh Allah / berdosa kerana melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT dan merosakkan diri sendiri kesannya masalah tersebut akan menjadi lebih parah
2. Dibenci oleh masyarakat kerana melakukan perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan membawa kepada keburukan kesannya masyarakat akan hidup dalam keadaan yang tidak selesa / tertindas

3. Hidup dalam keadaan resah gelisah dan tidak tenang kerana takut perbuatannya diketahui oleh orang ramai kesannya mereka sering mengasingkan diri daripada orang ramai
4. Diri ketinggalan/ umat Islam mundur/ malas/ menghalang kemajuan
5. Melahirkan manusia yang berakhlik buruk / mazmumah seperti pentingkan diri sendiri / tamak kesimpulannya umat Islam akan dipandang hina oleh penganut agama lain

5.1.5 Soalan mengenai kesan baik melaksanakan perintah Allah SWT

Contoh Soalan

1. Kesan doa terhadap individu
2. Faedah melaksanakan Perundangan Islam
3. Kelebihan menghayati sifat Rabaniyyah

Contoh Jawapan :

1. Mendapat keredaan Allah SWT / mendapat ketenangan hidup / mendapat pahala kerana melakukan perbuatan yang disuruh oleh Allah SWT kesannya jiwa menjadi tenang serta dapat hidup dalam keadaan aman damai
2. Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT kerana mereka patuh pada perintah Allah SWT kesannya akan menghindarkan mereka daripada melakukan perbuatan maksiat
3. Akan di kasih dan dihormati oleh masyarakat kerana melakukan perbuatan yang disukai oleh masyarakat kesannya kehidupan merka akan menjadi lebih harmoni
4. Menjadikan seseorang itu sentiasa bertawakal dalam setiap usaha / beriltizam
5. Menjadikan seseorang itu berfikiran berpandukan syariat / bukan mengikut hawa nafsu
6. Akan memupuk akhlak mulia yang mencerminkan keislaman
7. Perpaduan dalam masyarakat menjadi kuat/ erat hubungan silaturrahim.

5.1.6 Soalan mengenai rahmat/ kebaikan/ keistimewaan/ keunggulan Islam

Contoh Soalan

1. Keistimewaan Perundangan Islam
2. Keistimewaan Ajaran Islam
3. Keunggulan Sistem Sosial Islam
4. Keunggulan Sistem Muamalah Islam
5. Keunggulan al-Quran

Contoh Jawapan

1. Bersifat Rabaniyyah iaitu diciptakan Allah SWT melalui Quran dan hadis yang bersifat mutlak dengan itu kebenarannya tidak boleh dipertikaikan lagi
2. Bersifat Syumuliyyah iaitu lengkap dan sempurna yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia samada dari segi sosial, ekonomi, politik dan ibadat samada di dunia dan akhirat dengan itu ia dapat menyelesaikan semua masalah manusia
3. Bersifat Alamiyyah iaitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia tanpa mengira tempat, masa dan zaman sehingga ke hari kiamat
4. Bersifat Waqiiyyah iaitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia tanpa mengira bangsa, keturunan dan warna kulit seseorang
5. Bersifat murunah iaitu boleh berubah mengikut perubahan dan perkembangan hidup manusia tetapi tetap diatas prinsip asasnya.
6. Bersifat thabat iaitu kekal dan tidak berubah sehingga ke hari kiamat.

5.1.7 Soalan mengenai sumber sesuatu perkara dalam Islam

Contoh Soalan

1. Sumber perundangan Islam / Sumber sistem kehakiman Islam / Sumber sistem sosial Islam / Sumber Penyelesaian masalah dalam Islam

Contoh Jawapan

1. Al-Quran - Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril. Dalam bahasa Arab, bermula dari surah al-Fatihah dan berakhir dengan surat an-Nas. Membacanya merupakan ibadat
2. Al-Hadis / As-Sunnah -- Segala pengakuan, perbuatan atau pengakuan Rasulullah SAW
3. Al-Ijma' - Persepakatan / persetujuan daripada sebilangan besar daripada ulamak mengenai sesuatu hukum baru yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran atau Hadis selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW
4. Al-Qias - Menyandarkan hukum yang baru kepada hukum yang telah sedia ada, kerana mempunyai persamaan dari segi sebab / illat

5.1.8 Pengertian wahyu / al-Quran

Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat jibril atau secara langsung untuk membimbing kehidupan manusia di dunia dan akhirat.

5.1.9 Peranan wahyu / al-quran / hadis/ rasul / orang yang beriman / orang yang berilmu :

1. Mengajar manusia cara beribadat yang betul seperti cara menyembah Allah yang sebenar melalui solat lima waktu dengan itu ibadat tersebut diterima oleh Allah SWT
2. Mendidik manusia dengan akhlak yang mulia seperti cara menghormati ibu bapa oleh itu mereka akan dikasihi oleh Allah SWT
3. Membimbing manusia kearah kehidupan yang direndai oleh Allah SWT seperti mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan Allah SWT kesimpulannya
4. Menerangkan berita gembira seperti balasan syurga kepada orang yang taat kepada perintah Allah SWT dan menerangkan berita buruk dengan balasan neraka kepada orang-orang yang derhaka dengan itu manusia akan sentiasa menjauhi perkara mungkar
5. Menjelaskan perkara-perkara ghaib kepada manusia seperti pahala dan dosa dengan itu manusia akan menjauhi perbuatan yang boleh mendatangkan dosa seperti mencuri

5.1.10 Jelaskan cara memantapkan keperibadian muslim / Cara menghayati sifat rububiyyah / uluhiiyah / Ciri-ciri muslim

1. Beriman dengan rukun iman seperti percaya kpd kitab al-quran dgn melaksanakan segala ajaran yg telah ditetapkan dalam al-quran dengan itu akidah mereka akan menjadi lebih mantap
2. Melaksanakan segala rukun Islam spt mengeluarkan mendirikan solat dengan itu akan menghindarkan diri mereka daripada perbuatan keji dan mungkar
3. Sentiasa berakhlik dengan akhlak yang mulia seperti menghormati kedua ibu bapa kesannya mereka akan dikasihi oleh ibu bapa

5.1.11 Peranan Akal

1. Untuk manusia berfikir dalam membezakan antara perkara kebaikan untuk diamalkan dan perkara buruk untuk ditinggalkan kesannya kehidupan manusia akan menjadi lebih berguna
2. Untuk manusia mengkaji tentang kebesaran Allah SWT melalui penciptaan alam ini kesannya mereka akan dapat merasai kekuasaan Allah SWT
3. Untuk manusia mencipta peralatan moden yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan manusia kesannya kehidupan mereka lebih selesa

4. Untuk manusia menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kalangan manusia dengan cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan itu kehidupan mereka lebih dirahmati dan direndai oleh Allah SWT

5.1.12 Cara bersyukur dengan wahyu / akal / al-Quran

1. Menggunakannya dengan baik dalam menyelesaikan masalah dengan cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT oleh itu akan menambahkan ketakwaan kepada Allah SWT
2. Menjaganya dengan baik daripada perkara-perkara yang merosakkannya seperti dengan itu kesuciannya akan sentiasa terjamin.
3. Menyebarluaskan kebenaran wahyu kepada semua manusia agar dapat di manfaatkan / kembangkan potensi akal dengan sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan kesannya wahyu/akal akan dapat dimanfaatkan oleh manusia dengan sepenuhnya

5.1.13 Matlamat negara Islam / sistem sosial Islam / sistem kehakiman Islam / sistem sosial Islam

1. Untuk menegakkan hukum Allah SWT di muka bumi ini seperti melaksanakan sistem yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam negara kesannya hukum Allah SWT dapat dipraktikkan
2. Untuk menegakkan keadilan kepada semua manusia tanpa mengira pangkat dan keturunan dengan itu manusia dapat hidup dengan aman dan selesa
3. Untuk melaksanakan konsep amar makruf dan nahi mungkar, iaitu menyuruh manusia melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kejahatan dengan itu semua manusia akan merasa lebih selamat
4. Untuk menjamin kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat dengan cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

5.1.14 Syarat pemimpin / khalifah / hakim

1. Islam yg mukmin
2. lelaki
3. merdeka
4. baligh

5.1.15 ciri / sifat pemimpin / khalifah / hakim

1. berilmu
2. adil
3. bertanggungjawab

5.1.16 Kepentingan qadha / fikah / ijtihad / fatwa

1. Untuk selesaikan masalah yang berlaku dalam kalangan umat Islam dengan cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan itu kehidupannya akan diberkati oleh Allah SWT
2. Untuk mengelakkan daripada berlakunya perbalahan dalam kalangan umat Islam kerana mempunyai pendapat yang berbeza dalam sesuatu perkara
3. Untuk mengelakkan umat Islam berpegang dengan hukum ciptaan sendiri tanpa merujuk kepada para ulama dengan itu hukum Islam dapat diterima oleh semua pihak
4. Untuk memastikan hukum Islam sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan hidup manusia, kesannya hukum Islam sentiasa sesuai pada sepanjang masa sehingga kehenti kiamat

5.1.17 Cara Islam menjaga nyawa / harta / keturunan / ketenteraman awam / agama / Matlamat perundungan Islam

1. Islam mewajibkan umatnya
2. Islam mengharamkan
3. Islam mengenakan hukuman /menguatkuasakan undang-undang

5.1.18 Prinsip Rabaniyyah, Syumuliyyah, Waqiyyah, Alamiyyah, Murunah dan Thabat.

CPHI	Prinsip/konsep
Rabaniyyah	<ol style="list-style-type: none"> Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT dan bukan ciptaan manusia. Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahanan dan dorongan hawa nafsu. Islam dan seluruh makhluk adalah kepunyaan Allah SWT. Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup.
Syumuliyyah	<ol style="list-style-type: none"> Kesempurnaan hanyalah milik Allah SWT Semua makhluk yang hidup di dunia ini terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu. Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifahNya dimuka bumi ini
Waqiyyah	<ol style="list-style-type: none"> Islam merupakan agama yang praktikal dan boleh diamalkan oleh semua manusia. Islam mampu menyelesaikan semua masalah manusia dengan berkesan. Islam menekankan kesederhanaan dan mengimbangi antara kehidupan di dunia dan akhirat. Islam sentiasa positif terhadap pemikiran manusia dengan mengalakkan umatnya berfikiran positif dan kreatif.
Alamiyyah	<ol style="list-style-type: none"> Manusia merupakan sebaik-baik kejadian Allah SWT diatas muka bumi Nilai keadilan Islam adalah bersifat sangat yang tidak terbatas pada warna kulit dan kaum tertentu. Islam sentiasa menegakkan keadilan dan mencegah kemungkaran Islam menjamin hak asasi manusia.
Murunah	<ol style="list-style-type: none"> Islam agama yang mudah Islam dapat dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia <p>Kelebihan sifat Murunah</p> <ol style="list-style-type: none"> Menunjukkan sifattoleransi dan berikhmahnya Islam Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah SWT dengan sempurna Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya di dunia ini

5.2 KAEADAH MENGINGAT FAKTA DENGAN CEPAT DAN BERKESAN

PERKARA / TAJUK	PNUEMONIC / RINGKASAN
Rasul Ulul Azmi	NIMIM - Noh / Ibrahim / Musa / Isa / Muhammad SAW
Sifat Wajib bagi Rasul	FAST - Fatonah / Amanah / Sidiq / Tabligh
Prinsip Rabaniyyah	Islam adalah agama yang diwahyukan / yang bersih daripada sebarang kekurangan / kerana Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup / dimana seluruh makhluk adalah kepunyaannya.
Ciri-ciri agama langit	Mempunyai kitab suci/ yang bersifat mutlak / yang diturunkan dari langit / melalui para nabi dan rasul / dimana ajarannya adalah lengkap dan kekal
Cara memiliki sifat Rabaniyyah	Beriman dengan rukun iman / melaksanakan segala rukun Islam serta berakhlik dengan akhlak yang mulia
Prinsip Syumuliyyah	Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah dimuka bumi / yang terikat dengan masa dan ruang tertentu / kerana hanya Allah sahaja yang memiliki kesempurnaan yang hakiki
Prinsip Waqiyyah	Islam bersifat praktikal / yang dapat menyelesaikan masalah manusia / dengan menekankan kesederhanaan / dan positif terhadap pemikiran.

PERKARA / TAJUK	PNUEMONIC / RINGKASAN
Prinsip Alamiyyah	Islam menjamin hak asasi manusia / dengan sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran / kerana manusia merupakan sebaik-baik kejadian.
Prinsip Murunah	Islam adalah agama yang mudah / yang boleh dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia.
Kelebihan sifat murunah	Menunjukkan sifat tolerasi dan berhikmatnya Islam / dengan menarik minat orang bukan Islam / serta memastikan kesinambungan ajaran Islam di dunia ini
Prinsip Negara Islam	SHAM - Syura / Huriyyat / Adalah / Musawah
Elemen pembentukan negara Islam	RWKpusk (Red Worrior Kalah Perlawan Ulangan Stadium Kelantan) Rakyat / Wilayah / Ketua negara (khilafah) / Penguatkuasa / Undang-undang / Syura / Kehakiman
Sumber	AHIQ - Al-Quran Hadis Ijmak Qias
Ciri-ciri negara Islam	Ketua Negara yang adil dan beriman / yang melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar / yang berlandaskan al-Quran dan Hadis / bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat
Etika Kehakiman Islam	Hakim mestilah jujur dengan amanah / dan tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak / terutamanya orang yang ada kepentingan dengannya / dan tidak boleh mensabitkan hukuman jika ada keraguan
Nilai-nilai luhur Sistem sosial Islam	Ukhuwwah Islamiah / yang sentiasa hormat menghormati / dan berkasih sayang
Ciri-ciri Sistem sosial Islam	Perhubungan dan pergaulan yang berlandaskan keimanan kepada Allah SWT / yang mengikut lunas-lunas Islam / serta mengamalkan akhlak mulia / serta mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu.
Konsep harta menurut Islam	MAZUHA - Milik mutlak Allah SWT / Amanah Allah kepada manusia / Zakat dikeluarkan apabila cukup syaratnya / Ujian kepada manusia bagi menentukan tahap keimanan mereka / Halal adalah panduan dan syarat dalam memiliki dan membelanjakan harta // Adil mestilah diutamakan dalam pengurusan harta
Sebab harta amanah Allah SWT	Agar manusia menguruskan harta dengan sebaik mungkin / tanpa melakukan pembaziran / serta sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam mencari harta / dan tidak terlalu sompong dengan harta yang dimilikinya
Langkah memperolehi harta yang halal	HALI - Halal pekerjaannya / Akhlak mulia semasa mencari harta / Ikhlas semasa bekerja / Ibadat sentiasa dijaga semasa bekerja
Kepentingan Harta kepada pembangunan negara	Harta dijadikan modal / untuk memajukan sektor ekonomi / dengan meningkatkan taraf pendidikan masyarakat
Kepentingan hak milik	Mendorong manusia berusaha / dan mengetahui kemampuan mereka / serta dapat menggunakan harta mengikut keinginan sendiri
Konsep pemilikan harta	Harta mesti diperolehi secara halal / bukan melalui kekerasan dan penindasan seperti merompak / serta harta awam tidak boleh dijadikan milik peribadi
Peraturan pemilikan harta	Harta dibelanjakan secara berhemah / serta mengeluarkan zakat / dan dikembangkan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak
Peranan harta	Harta sebagai alat beribadat / alat merapatkan hubungan sesama manusia / alat menambah ilmu / alat menikmati keselesaan hidup
Perkara yang merosakkan harta	MKBMM – Membazir perbelanjaan harta / kedekut dalam membelanjakan harta / bukan wang daripada digunakan / maksiat / merosakkan kemudahan awam
Ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam	Halal pekerjaannya / yang tidak mengganggu orang lain / serta tidak membahayakan diri sendiri / serta tidak melalaikan daripada beribadat
Cara melaksanakan amanah Allah Melalui pekerjaan	Melakukan pekerjaan mengikut kepakaran / seperti melakukan penyelidikan sains dan teknologi / serta mencipta peralatan baru

PERKARA / TAJUK	PNUEMONIC / RINGKASAN
Syarat pekerjaan menjadi ibadat	Pekerjaan yang halal / dan tidak mengganggu kepentingan awam / dan tidak melalaikan daripada beribadat kepada Allah SWT
Etika Kerja Islam	MIATT - Mematuhi arahan ketua / ikhlas semasa melakuka pekerjaan / Amanah dalam melakukan pekerjaan / tekun dan bersungguh-sungguh semasa melakukan pekerjaan / Tingkatkan produktiviti yang berkualiti
Etika Muamalah Islam	RATI - Rajin dan bersungguh-sungguh bekerja / dan Amanah dam semua urusan / tekun ketika bekerja / serta Ikhlas dalam bekerja
Ciri-Ciri Muamalah Islam	Adil kepada semua pihak / dengan saling reda meredai / serta mendatangkan manfaat kepada semua pihak / dan tidak membebankan sesiapa / kerana tiada penipuan berlaku
Syarat sah bermuamalah	SSPM - Setuju dengan traksaksi yang dijalankan oleh kedua-dua pihak / dan sempurna akal kedua pihak / dan penipuan dihindarkan dalam urusan / serta milik sah penjual barang yang hendak dijual itu
Kepenting dan tujuan Muamalah Islam	Agar manusia saling berhubung / untuk saling mengenali satu sama lain / dengan itu mereka dapat saling tolong menolong / dalam menikmati kurniaan Allah secara bersama dan adil.
Kesan muamalah Islam dalam meningkatkan kualiti kehidupan	Akan mendapat keredaan Allah ? kerana menjamin keharmonian hidup manusia / melalui keadilan sejagat / dengan itu dapat membangunkan tamadun manusia.
Jenis Muamalah Islam	3MRIBTW - Murabahah / Mudharabah / Musyarakah / Rahn / Ijarah / Bai bithaman ajil / Takaful / Wadiah
Matlamat Perundangan Islam	Memelihara MAKANKaH – Memelihara maruah / Memelihara agama / Memelihara keturunan / Memelihara akal / Memelihara nyawa / Memelihara Ketenteraman awam / Memelihara harta
Pembahagian hukum dalam Islam	HWHSM - Harus / Wajib / Haram / Suanat / Makruh
Perkara yang mengukuhkan ibadat	Percaya kepada rukun Iman / dan Melaksanakan rukun Islam / serta berakhlik mulia / dan mentaati pemerintah yang adil
Perkara yang merosakkan ibadat	RUMSTAH - Riak, riddah / Ujub / Murtad , Mengungkit, munafik / Sum,ah, syirik / Takbur / Aza / Hasad dengki
Cara Tingkatkan Kualiti Ibadat	MUTII - Mengingati Alah semasa beribadat / dengan Ulama sentiasa didampingi / dan Tenang dalam melakukan ibadat / serta Ilmu pengetahuan sentiasa ditingkatkan / dan Istiqamah dalam melakukan ibadat
Ciri kesempurnaan ibadat	BERSIM – bersungguh-sungguh dalam beribadah / Ehsan semasa beribadat /Rukun ibadat dipenuhi / Syarat dilakukan sepenuhnya / Ikhlas dalam beribadat / memenuhi peraturan dalam beribadat
Tujuan Beribadat	PLKPK - Perintah Allah / juga sebagai Latihan rohani dan jasmani / Kebendaan juga adapata dididik melalui ibadat / disamping pahala jua yang diberikan Allah SWT / akhirnya kebahagiaan hidup akan dapat dicapai
Hukuman Jenayah Islam	HQTD – Hudud / Qisas / Takzir / Diat
Kesalahan Hudud	Qaz3M - Qazaf / Arak / Zina / Mencuri / Merompak / Murtad
Langkah penyelesaian masalah	MPSUP – Mengenal pasti Masalah / Mengenal pasti Punca masalah / Strategi yang betul dalam menyelesaikan masalah / Uji strategi yang telah dipilih / Penilaian semula dilakukan terhadap strategi yang telah diambil
Perlakuan dalam penyelesaian masalah	NKTTM - Naik KeretaTurun Tanah Merah (Niat / Keazaman / Tindakan / Tawakal / Muhasabah

6. PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN SEMASA MENJAWAB

1. Tulis butiran diri dengan lengkap pada buku jawapan seperti nombor kad pengenalan dan angka giliran.
2. Baca keseluruhan arahan yang terdapat di luar dan di dalam kertas soalan dengan teliti dan cermat
3. Tandakan soalan yang hendak dijawab dan boleh mendapat markah yang banyak.
4. Perhatikan jumlah markah untuk memastikan jawapan yang sepatutnya diberi.
5. Teliti dan fahami kehendak soalan dengan baik.
6. Buat rangka jawapan dengan ringkas terlebih dahulu sebelum menjawab dengan lengkap.
7. Pastikan aspek jawapan yang perlu diambil perhatian ketika menjawab seperti bukan, tidak benar, kecuali dan sebagainya. (kertas 1)
8. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan yang diberikan sama ada bahagian A atau B (Untuk Kertas 1).
9. Tulis nombor soalan dengan jelas dan teratur
10. Jawapan untuk setiap soalan perlu dibuat dalam halaman yang berlainan.
11. Gunakan kertas helai lain bagi setiap nombor soalan baru.
12. Tinggalkan ruangan antara jawapan dengan jawapan seterusnya.
13. Jawapan sebaik-baiknya dalam bentuk nombor, bukan dalam bentuk ayat yang berjela-jela.
14. Semak semula jawapan setelah selesai menjawab semua soalan.
15. Sekiranya soalan perbezaan jawapan hendaklah dibuat dalam kotak.
16. Jawapan KBAT mesti mempunyai isi, huraihan, huraihan lanjut (contoh) dan kesimpulan.
17. Peruntukkan masa 10 minit untuk menyemak.
18. Gunakan pen berdakwat biru atau hitam sahaja.
19. Sila jawab lebih dari soalan yang diminta.
20. Pastikan semua dijawab sekalipun tidak dapat menjawab dengan tepat.
21. Menjawab soalan dengan struktur bahasa penulisan yang boleh difahami.

7. KELEMAHAN YANG PERLU DIHINDARI

1. Jawapan tidak lengkap / terlalu ringkas/ kurang daripada yang diminta / jawapan berbelit-belit.
2. Tidak cermat memilih dan memahami kehendak soalan.
3. Lemah dalam memahami sesuatu istilah.
4. Tidak dapat menulis istilah tertentu dengan betul.
5. Tidak mengikut panduan markah yang diberikan.
6. Isi jawapan yang berulang-ulang atau sama maksud.
7. Tertinggal ceraian jawapan.
8. Jawapan diberi tidak mengikut kehendak soalan.
9. Jawapan yang diconteng dengan liquid paper dan tidak ditulis semula.
10. Tulisan yang tidak boleh dibaca dengan jelas oleh pemeriksa.
11. Menggunakan bahasa pasar atau daerah.
12. Tiada nombor soalan.
13. Tiada perenggan / ruang antara satu soalan dengan soalan lain.

8. PENUTUP.

Teknik menjawab dengan berkesan sudah pasti akan dapat membantu para pelajar untuk mencapai kejayaan. Ulangkaji tanpa teknik menjawab yang berkesan tidak memadai. Teknik menjawab yang berkesan tanpa ulangkaji yang berterusan juga tidak berguna. Oleh itu, ulangkaji yang berterusan dan teknik menjawab yang berkesan insyaallah menjamin kejayaan yang cemerlang.

Disediakan oleh :

Safaee b. Zakaria
GC Tasawwur Islam
SMK Jelawat,
Bachok, Kelantan